# 2 Timbalan Presiden tak akan dilayan — Mahathir

MM 13 MAY 1984

KUALA LUMPUR 12 Mei — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menegaskan bahawa pucuk pimpinan Parti UMNO tidak akan melayan cadangan dari mana-mana pihak yang mahukan jawatan Timbalan Presiden UMNO ditambah kepada dua.

Katanya, jika parti memenuhi kehendak ini, parti juga terpaksa menimbang permohonan-permohonan serta cadangan itu.

Secara berseloroh, Presiden UMNO itu berkata: "Cadangan tersebut memang bagus tetapi bagaimana boleh kita tunaikan kalau tiap kali ada pemilihan ada orang yang mencalonkan tiga orang, lima orang ataupun 10 orang untuk jawatan Timbalan Presiden?" disambut dengan gelak ketawa.

Perdana Menteri berkata demikian ketika bercakap kepada para pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO di ibu pejabat parti di sini hari ini.

Cadangan supaya jawatan Timbalan Presiden UMNO ditambah satu lagi bagi mengelakkan pergolakan dalam parti timbul baru-baru ini apabila terdapat sebuah bahagian UMNO di Kelantan yang meluluskan usul mengenainya di mesyuarat perwakilannya.

Semalam Naib Presiden UMNO Encik Abdul Ghafar Baba menegaskan bahawa langkah mewujudkan dua jawatan timbalan presiden parti tidak akan menghentikan pergolakan dalam UMNO kerana mungkin lebih ramai calon akan merebut dua jawatan tersebut.

Sementara itu menyentuh soal lain, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata ingatannya supaya aduan-aduan diterima secara positif bukan hanya ditujukan kepada menteri-menteri tetapi juga kepada pegawai-pegawai tinggi kerajaan.

## Positif

Katanya kadangkala beliau banyak menerima aduan daripada rakan-rakan sekerja atau ahli perniagaan tentang sesuatu mana beliau mengharapkan pegawai-pegawai berkenaan dapat menyelesaikannya.

Perdana Menteri berharap pegawai-pegawai tinggi atau menteri-menteri tidak akan merasa marah dan mengambil tindakan balas terhadap orang yang membuat aduan tetapi sebaliknya hendaklah bersikap positif.

Menjawab satu pertanyaan lain, beliau berkata urusan kempen yang dijalankan oleh calon-calon parti yang juga anggota kerajaan tidak menjejaskan perjalanan jentera kerajaan.

"Tetapi apa yang ingin saya tegaskan ialah bahawa mereka juga perlu menggunakan masa yang lebih untuk kerja-kerja yang boleh mendatangkan kebaikan kepada kerajaan," tegas Datuk Sri Dr. Mahathir.